


**PEKELILING PENGARAH KESIHATAN NEGERI
JABATAN KESIHATAN NEGERI PERAK BIL 1/2010**



**GARISPANDUAN LAPORAN SIASATAN KEMATIAN KANAK-KANAK
DI BAWAH UMUR 5 TAHUN**

1. TUJUAN :

Memperkenalkan borang-borang bagi melaporkan dan menyiasat kematian kanak-kanak di bawah umur 5 tahun dan definisi-definisi yang digunakan.

2. LATAR BELAKANG :

- 2.1 Statistiks kematian adalah penting sebagai indikator kepada status kesihatan golongan tertentu di dalam komuniti.
- 2.2 Sebanyak 70% – 80% dari kematian kanak-kanak di bawah 5 tahun berlaku dalam tahun pertama manakala 50% dari kematian ini berlaku di peringkat neonatal.
- 2.3 Kadar kematian kanak-kanak di bawah 5 tahun di Malaysia adalah di antara 6.0 – 8.0 per 1,000 kelahiran hidup bagi jangka masa 10 tahun yang lalu (*The State of the World's Children*). Kadar ini adalah lebih tinggi dari kadar kematian di Singapura dan Brunei tetapi lebih rendah dari kadar kematian di Thailand, Filipina dan Indonesia (*Kementerian Kesihatan Malaysia*).